
Kesediaan Guru Sejarah Sekolah Menengah Mengaplikasikan KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah Di Daerah Segamat, Johor

Siti Norzaidah binti Kamaruddin¹, Anuar Ahmad²

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: adam.hawa93@gmail.com

² *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: anuarmd@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat tahap kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan kesediaan guru lelaki dan perempuan mengaplikasikan KBAT di sekolah menengah dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 192 orang guru Pendidikan Sejarah dalam Daerah Segamat yang dipilih sebagai responden kajian. Borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian. Maklumat data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS Version 26.0 (Statistical for Social Science). Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (Ujian-T). Dapatan kajian melaporkan bahawa tahap kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di daerah Segamat, Johor berada pada tahap yang tinggi. Skor min bagi setiap aspek yang dinilai ialah pengetahuan (min = 4.03), kemahiran (min = 4.05) dan sikap (min = 3.80). Ujian hipotesis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru mengikut jantina dalam mengaplikasikan KBAT. Hal ini bermakna guru-guru yang mengajar Sejarah dapat mengamalkan KBAT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan baik.

KATA KUNCI: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT); Kesediaan; Sejarah.

Abstract

This study was conducted to see the secondary school teachers' readiness level to apply HOTS in the History subject in terms of knowledge, skills and teachers' attitudes. This study also aims to look at the differences between the male and female teachers' readiness to apply HOTS in secondary schools especially when it comes to History. This quantitative survey involved a total of 192 secondary school teachers who were teaching History subjects in the district of Segamat, Johor consisting of 80 males and 112 females. The study was conducted for 10 weeks. Questionnaires were used to obtain data relevant to the study. The data obtained were analyzed using SPSS Version 26.0 (Statistical for Social Science). Data were analyzed using descriptive statistics (frequency, percentage, mean score and standard deviation) and inferential statistics (TTest). The findings of the study report shown that the secondary school teachers' readiness to apply HOTS in teaching History in the district of Segamat, Johor is at high level. The mean scores for each aspect that were assessed were knowledge (mean = 4.03), skills (mean = 4.05) and attitude (mean = 3.80). Hypothesis testing showed that there was no significant difference between the teachers' readiness level for both gender in applying HOTS. This means that teachers who teach History can greatly apply HOTS during the teaching and learning sessions at school.

KEYWORDS: Higher Order Thinking Skills (HOTS); Readiness; History.

I. PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan pelbagai program ke arah melahirkan pelajar yang berfikiran inovatif seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Pada peringkat pembelajaran yang lebih tinggi, pelajar bukan hanya perlu menguasai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) bahkan perlu menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) agar dapat melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang kian mencabar[1]. Kemahiran Berfikir bukanlah lahir secara semula jadi dalam diri manusia tetapi perlu diasah dan diperkembangkan [2]. Bidang pendidikan seringkali mengalami transformasi bagi memastikan kualiti pendidikan adalah yang terbaik. Penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah merupakan satu transformasi pendidikan yang harus diterima oleh semua pihak. Pengetahuan guru dalam melaksanakan aktiviti KBAT dikenal pasti dapat menyumbang kepada perubahan pendekatan serta kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah berdasarkan aspek kurikulum, pedagogi dan juga pentaksiran [3]. Persediaan guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang menekankan kepada KBAT dan pengurusan bilik darjah secara dinamik merupakan salah satu cabaran besar dalam pendidikan abad ke-21 [4].

II. PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat limitasi kajian penyelidikan berkaitan kesediaan guru melaksanakan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Kebanyakan kajian kesediaan guru dalam mengaplikasikan KBAT yang ada hanyalah melibatkan mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran lain. Namun, tidak banyak kajian berkaitan kesediaan guru mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah yang dikaji oleh penyelidik-penyelidik yang lepas. Kajian-kajian yang berkaitan kesediaan guru Sejarah sekolah menengah masih belum dilakukan oleh penyelidik penyelidik di Malaysia. Oleh itu, pengkaji berpendapat terdapat satu keperluan untuk membuat kajian mengenai kesediaan guru Sejarah sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.

Kemahiran Berfikir bukanlah lahir secara

semula jadi dalam diri manusia tetapi perlu diasah dan diperkembangkan (Puchta, 2012). Sebenarnya, guru berperanan penting dalam mengasah kemahiran berfikir murid. Namun begitu, para guru masih menghadapi beberapa kekangan dalam

mengharungi perubahan dan proses menyesuaikan diri dalam usaha mengintegrasikan KBAT sepenuhnya di bilik darjah. Antara kajian terbaru yang dijalankan oleh Bernard Tahim Bael et al. (2021) mendapati guru - guru masih mempunyai pemahaman yang kurang lengkap tentang KBAT dalam kurikulum pendidikan Malaysia [5]. Tahap pemahaman guru yang kurang mantap ini sudah tentu memberi kesan kepada tahap pemikiran KBAT pelajar-pelajar di sekolah.

Para guru didapati masih sukar untuk melaksanakan KBAT dalam mata pelajaran di sekolah. Hal ini disebabkan oleh guru masih kurang bersedia meingtegrasikan KBAT dalam PdPc. Transformasi yang berlaku memberikan satu tamparan hebat kepada para guru. Guru berhadapan dengan banyak pembaharuan dalam bidang pendidikan sehingga terpaksa mengharungi halangan yang besar. Hal ini kerana guru perlu merancang kaedah pengajaran yang bersesuaian bagi memastikan bahawa pengajaran tersebut dapat mendorong pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar. Pengetahuan, kemahiran serta sikap guru akan menjadi penentu dalam imenjayakan pelaksanaan elemen KBAT dalam proses PdP. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauh manakah kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah di daerah Segamat dengan melihat dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru.

III. OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

2. Menenalpasti tahap kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

3. Menenalpasti tahap sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

4. Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah terhadap jantina.

IV. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?
2. Apakah tahap kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?
3. Apakah tahap sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah terhadap jantina?

itu, aspek kesediaan guru sangat dititikberatkan dalam mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran khususnya mata pelajaran Sejarah.

VI. HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kepada soalan-soalan kajian di atas, beberapa hipotesis telah diuji dalam kajian ini iaitu:

Ho1 –Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

Ho2 – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

Ho3 –Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap sikap guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

I. SOROTAN LITERATURE

Kesediaan

Kesediaan ialah suatu bentuk proses yang melibatkan pengintegrasian aspek fizikal, mental dan emosi seseorang guru dalam melaksanakan sesuatu tindakan [6]. Seorang guru yang sentiasa bersedia untuk menyampaikan pengajaran sudah tentu mampu memberi kefahaman kepada pelajar dengan lebih mudah berbanding guru yang tidak bersedia untuk mengajar. Guru yang kurang persediaan sebelum mengajar sudah tentu tidak dapat menyelesaikan kekeliruan pelajar bahkan pada akhir pengajaran akan menimbulkan persoalan kepada pelajar. Kesediaan guru meliputi bahan pengajaran, isi kandungan, pengetahuan yang luas dalam pedagogi dan juga kemahiran dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi [7]. Oleh

Pengetahuan

Pengetahuan KBAT merujuk kepada pengetahuan pedagogi, pengetahuan strategi pengajaran yang sesuai, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan terhadap kebolehan murid dan pengetahuan mengenai konsep, elemen, kelebihan dan kaedah yang digunakan bagi pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid [8]. Selain itu pengetahuan memainkan peranan penting bagi seseorang guru untuk mengajar [9]. Aspek pengetahuan sangat perlu bagi memberikan pengajaran yang berkualiti dan berkesan. Justeru, pengajaran yang berkesan akan berlaku apabila guru mempunyai pengetahuan yang jelas terhadap pengajaran yang disampaikan. Ini dibuktikan dengan kajian lepas di mana KBAT dapat dijalankan dan diterapkan dengan baik kepada pelajar sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang luas mengenai konsep, fokus dan strategi penerapan di dalam kelas [10].

Kemahiran

Kemahiran bermaksud melatih untuk mengerjakan sesuatu dengan cekap, lancar dan pandai [11]. Kepelbagaian teknik guru dalam mencipta idea baharu, melaksana dan berkomunikasi dengan murid secara berkesan dengan aspek pemikiran kreatif sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran [12]. Dalam konteks kajian ini, kemahiran merujuk kepada cara guru menerapkan KBAT dalam subjek Sejarah.

Sikap

Sikap dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu kognitif (idea dan kepercayaan), afektif (perasaan dan kecenderungan), dan tingkah laku (tindakan dan jawapan) [13]. Ketiga-tiga komponen ini membawa perubahan terhadap tingkah laku seseorang dalam melakukan sesuatu perkara.

kecenderungan seseorang itu memberi tindak balas terhadap faktor persekitaran yang meliputi objek-objek psikologi seperti simbol, frasa, slogan dan idea [14]. Sikap turut didefinisikan sebagai sebahagian dari personality seseorang yang dipengaruhi tingkah laku serta kecenderungan untuk bertindak terhadap seseorang, objek, kejadian atau idea sama ada secara tanpa sedar, berkekal dan berhubung rapat dengan pendapat [15].

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) membawa maksud suatu pemikiran logik yang merujuk kepada keupayaan individu dalam menggunakan pelbagai kemahiran kognitif seperti menaakul, menganalisis, mensintesis dan menghasilkan sesuatu yang baharu bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi [16].

Malahan itu, sikap

VII. METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik yang diberikan menggunakan aplikasi *Google Form*. Soal selidik yang diedarkan kepada guru yang mengajar Sejarah di sekolah menengah menggunakan skala likert 5 mata. Hasil daripada borang soal selidik ini kemudiannya di huraikan dalam bentuk analisis statistik deskriptif dan inferensi.

Populasi dan Sampel

Kajian ini dijalankan di salah sebuah daerah di negeri Johor iaitu daerah Segamat. Pengkaji memilih lokasi ini kerana pengkaji bekerja di salah sebuah sekolah di daerah Segamat. Oleh itu, pengkaji dapat mengumpul maklumat dengan lebih mudah. Daerah Segamat mempunyai 25 buah sekolah menengah. Populasi dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor. Bilangan guru Sejarah menengah adalah seramai 312 orang berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Pendidikan Daerah Segamat. Menurut Krecie dan Morgan (1970) bilangan populasi tersebut memerlukan minimum saiz sampel sebanyak 175 orang guru. Dalam konteks kajian ini, seramai 192 orang responden digunakan. Guru-guru ini telah dipilih secara kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan persampelan mudah (*convenience sampling*).

Intrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah ialah soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A iaitu jantina responden Bahagian B (10 item) berkaitan tahap pengetahuan guru mengenai KBAT, Bahagian C (10 item) berkaitan tahap kemahiran guru melaksanakan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dan Bahagian D (10 item) adalah berkenaan sikap guru melaksanakan KBAT. Item-item dalam bahagian B

hingga C ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Siti Mariam (2018) mengenai Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sains Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Skala likert lima point digunakan di dalam instrumen ini iaitu skala 1 hingga 5 (5=Sangat Setuju hingga

1=Sangat Tidak Setuju). Borang soal selidik ini diedarkan menggunakan aplikasi *Google Form*.

Pengesahan pembinaan soal selidik ini dirujuk kepada tiga orang pakar dalam bidang Sejarah bagi menentukan kesesuaian item yang diguna pakai agar bertepatan dengan kajian. Pakar tersebut merupakan Jurulatih Utama dalam bidang Sejarah di daerah Segamat yang telah berkhidmat lebih 15 tahun, seorang guru Sejarah yang berpengalaman selama 25 tahun mengajar Sejarah dan seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Daripada 30 item soalan yang diberikan kepada pakar, 26 item telah dipersetujui dengan nilai 87%. Setelah mendapat pengesahan pakar, terdapat cadangan dan perubahan item-item yang disesuaikan mengikut kesesuaian item. Secara keseluruhannya, instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan berada di antara 0.803 hingga 0.950. Manakala nilai alfa Cronbach bagi keseluruhan instrumen pula adalah 0.936 (30 item). Maka, instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima.

Analisis Data

Maklumat data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS Version 26.0 (*Statistical For Social Science*). Analisis deskriptif untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Bagi analisis infrensi pula, Ujian-T digunakan bagi menguji perbezaan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah terhadap jantina dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor.

Pengumpulan Data

Sebelum pengkaji melaksanakan proses pengumpulan

data untuk kajian rintis dan kajian sebenar dilakukan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor di Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan (EPRD). Seterusnya, setelah mendapat kelulusan EPRD, pengkaji memohon kelulusan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Segamat untuk mengedarkan soal selidik di sekolah-sekolah dalam daerah Segamat. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik dengan menggunakan *Google Form* terhadap responden. Tempoh pelaksanaan kajian ininadalah selama 10 minggu. Setelah semua data diperolehi maka aktiviti pemprosesan dan penganalisan data dijalankan.

VIII. DAPATAN KAJIAN

A. Bahagian A : Jantina Responden

Latar belakang responden dianalisis menggunakan analisis kekerapan. Taburan profil responden kajian berdasarkan jantina seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Profil Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	108	27
Perempuan	292	73
Jumlah	400	100

Analisis data pada jadual 1 menunjukkan bahawa responden kajian ini terdiri daripada 108 orang guru lelaki iaitu 27% dan 292 orang guru perempuan iaitu sebanyak 73%.

B. Bahagian B : Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Menengah Mengaplikasikan KBAT dalam Mata Pelajaran Sejarah

Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap pengetahuan guru sekolah menengah dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?

Skor yang digunakan dalam soalan selidik adalah (5-Sangat Setuju, 4-Setuju, 3-Tidak pasti, 2-Tidak Beretuju, 1-Sangat Tidak Beretuju). Sepuluh item mengenai tahap pengetahuan guru diperiksa melalui min dan sisihan piawai. Dapatan data mengenai tahap pengetahuan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Menengah Dalam Mengaplikasikan KBAT Bagi Mata Pelajaran Sejarah

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B1	Saya memahami tentang KBAT	0 (0.0)	1 (0.5)	11 (5.7)	124 (64.6)	56 (29.2)	4.22	.567
B2	Saya memahami konsep pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah	0 (0.0)	2 (1.0)	9 (4.7)	133 (69.3)	48 (25.0)	4.18	.554
B3	Saya memahami cara untuk mengapikasi KBAT dalam pengajaran	0 (0.0)	3 (1.6)	17 (8.9)	128 (66.7)	44 (22.9)	4.11	.608
B4	Saya mampu mengendalikan pengajaran Sejarah dengan menggunakan KBAT	0 (0.0)	3 (1.6)	21 (10.9)	129 (67.2)	39 (20.3)	4.06	.611
B5	Saya memahami aras menilai bagi mengaplikasikan KBAT	0 (0.0)	4 (2.1)	31 (16.1)	127 (66.1)	30 (15.6)	3.95	.633

B6	Saya memahami aspek pelaksanaan kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah dan pengajaran Sejarah	0 (0.0)	4 (2.1)	26 (13.5)	125 (65.1)	37 (19.3)	4.02	.643
B7	Saya mengetahui teknik-teknik penyoalan mengikut aras pemikiran KBAT	0 (0.0)	3 (1.6)	30 (15.6)	127 (66.1)	32 (16.7)	3.98	.622
B8	Saya tahu melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0 (0.0)	2 (1.0)	22 (11.5)	131 (68.2)	37 (19.3)	4.06	.589
B9	Saya mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan aras KBAT murid ketika pertama kali memulakan pengajaran.	0 (0.0)	4 (2.1)	40 (20.8)	119 (62.0)	29 (15.1)	3.90	.660
B10	Saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk mengembangkan KBAT pelajar.	0 (0.0)	5 (2.6)	45 (23.4)	116 (60.4)	26 (13.5)	3.85	.673
Keseluruhan							4.03	.512

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Jadual 2 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian menunjukkan kesemua sepuluh item tersebut mempunyai skor yang tinggi, dengan julat min item berada antara 3.85 hingga 4.22. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah (min = 4.03, SP = 0.512) dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor adalah berada pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 2 : Apakah tahap kemahiran guru sekolah menengah dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
----	------------	-----	----	----	---	----	-----	----

C 11	Saya merancang pengajaran Sejarah untuk menerapkan elemen KBAT	0 (0.0)	3 (1.6)	10 (5.2)	137 (71.4)	42 (21.9)	4.14	.563
C 12	Saya menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk menerapkan elemen KBAT	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (10.4)	138 (71.9)	34 (17.7)	4.07	.527

	dalam pengajaran Sejarah							
C 13	Saya menentukan isi kandungan pelajaran Sejarah berdasarkan pada kebolehan pelajar	1 (0.5)	2 (1.0)	17 (8.9)	132 (68.8)	40 (20.8)	4.08	.617
C 14	Saya mengajar Sejarah dan KBAT dengan menggunakan pendekatan soal jawab	0 (0.0)	3 (1.6)	18 (9.4)	127 (66.1)	44 (22.9)	4.10	.614
C 15	Saya menggunakan bahan bantu mengajar bagi mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.	0 (0.0)	1 (0.5)	21 (10.9)	133 (69.3)	37 (19.3)	4.07	.565
C 16	Saya memberi maklum balas yang berkesan kepada pelajar bagi tujuan mereka mencapai aras KBAT	1 (0.5)	2 (1.0)	18 (9.4)	133 (69.3)	38 (19.8)	4.07	.614
C 17	Saya melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi KBAT	1 (0.5)	2 (1.0)	16 (8.3)	133 (69.3)	40 (20.8)	4.09	.612
C 18	Saya menilai perkembangan pelajar dalam KBAT	0 (0.0)	2 (1.0)	22 (11.5)	136 (70.8)	32 (16.7)	4.03	.569
C 19	Saya mengembangk an potensi kemahiran berfikir pelajar dalam pembelajaran berasaskan KBAT	0 (0.0)	6 (3.1)	16 (8.3)	136 (70.8)	34 (17.7)	4.03	.622
C 20	Saya mempunyai sumber elektornik sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi meningkatkan kemahiran KBAT pelajar.	2 (1.0)	6 (3.1)	40 (20.8)	114 (59.4)	30 (15.6)	3.85	.752
	Keseluruhan						4.05	.503

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor adalah berada pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 3 : Apakah tahap kemahiran guru sekolah menengah dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah?

Jadual 4 Tahap Sikap Guru Sekolah Menengah Dalam Mengaplikasikan KBAT Bagi Mata Pelajaran Sejarah

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
D21	Tanggungjawab guru adalah terhad kepada sekolah dan masa di sekolah bagi mengajar KBAT	7 (3.6)	24 (12.5)	67 (34.9)	77 (40.1)	17 (8.9)	3.38	.941
D22	Saya mendapat kepuasan dalam pengajaran Sejarah yang menerapkan elemen KBAT	0 (0.0)	5 (2.6)	25 (13.0)	121 (63.0)	41 (21.4)	4.03	.670
D23	Proses pengajaran dan pembelajaran tidak sesekali menjadi 'monotous' apabila saya menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah	1 (0.5)	2 (1.0)	33 (17.2)	132 (68.8)	24 (12.5)	3.92	.617
D24	Pendekatan pengajaran yang baharu dikenali dari semasa ke semasa untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran	1 (0.5)	3 (1.6)	16 (8.3)	145 (75.5)	27 (14.1)	4.01	.579
D25	Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mengetahui sendiri pengajaran penerapan elemen KBAT	0 (0.0)	3 (1.6)	22 (11.5)	128 (66.7)	39 (20.3)	4.06	.616
D26	Latihan yang berterusan diperlukan untuk menjadi seorang guru yang berkesan dalam menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah	3 (1.6)	2 (1.0)	6 (3.1)	104 (54.2)	77 (40.1)	4.30	.725
D27	Untuk menjadi seorang guru yang berkesan, kandungan pelajaran perlu diubahsuai berdasarkan pada keperluan murid walaupun ia menambahkan beban tugas saya	2 (1.0)	7 (3.6)	28 (14.6)	117 (60.9)	38 (19.8)	3.95	.764

Jadual 3 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian menunjukkan kesemua sepuluh item tersebut mempunyai skor yang tinggi, dengan julat min item berada antara 3.85 hingga 4.14. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah (min = 4.05, SP = 0.503) dalam kalangan

D28	Seorang guru yang berkesan, perlu mengubahsuaikan kandungan sukatan pelajaran bagi manfaat pelajar walaupun itu bermakna tidak mengikutinya sepenuhnya sukatan pelajaran	9 (4.7)	6 (3.1)	47 (24.5)	102 (53.1)	28 (14.6)	3.70	.922
D29	Saya lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan daripada	17 (8.9)	17 (8.9)	83 (43.2)	55 (28.6)	20 (10.4)	3.23	1.048

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap sikap guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Jadual 4 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian menunjukkan satu item mempunyai skor yang sangat tinggi, enam item mempunyai skor yang tinggi dan tiga item lagi mempunyai skor yang sederhana. Keseluruhannya, skor tahap sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah (min = 3.80, SP = 0.481) dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor adalah berada pada tahap yang tinggi.

Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Sekolah Menengah Dalam Mengaplikasikan Kbat Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Jantina

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif dan persoalan kajian keempat iaitu mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah terhadap jantina. Ia menilai hipotesis seperti berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru lelaki dan guru perempuan dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

Hasil ujian-t bagi menguji perbezaan antara tahap pengetahuan, kemahiran

	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig.	
Pengetahuan guru	Lelaki	80	3.98	.492	-1.221	.224	
	Perempuan	112	4.07	.525			
Kemahiran guru	Lelaki	80	3.99	.430	-1.497	.136	
	Perempuan	112	4.10	.547			
Sikap guru	Lelaki	80	3.81	.495	.321	.748	
	Perempuan	112	3.79	.472			
Keseluruhan						3.80	.481

Berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig.
Pengetahuan guru	Lelaki	80	3.98	.492	-1.221	.224
	Perempuan	112	4.07	.525		
Kemahiran guru	Lelaki	80	3.99	.430	-1.497	.136
	Perempuan	112	4.10	.547		
Sikap guru	Lelaki	80	3.81	.495	.321	.748
	Perempuan	112	3.79	.472		

Hasil daripada analisa ujian-t seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.7 mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru [$t = -1.221, p = 0.224$], $p > 0.05$; kemahiran guru [$t = -1.497, p = 0.136$], $p > 0.05$; dan sikap guru [$t = 0.321, p = 0.748$], $p > 0.05$ dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah terhadap jantina dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor. Dengan itu Ho1, Ho2 dan Ho3 adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tiada perbezaan di dalam tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor.

IX. PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, hasil analisis data menunjukkan tahap kesediaan guru Sejarah sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah bagi aspek pengetahuan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian yang menunjukkan tahap kompetensi guru bagi aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran pendidikan Sejarah berada pada tahap yang tinggi (min 3.85, s.p 0.42) dan selari dengan kajian lepas [17]. Kajian ini juga sejajar dengan dapatan kajian yang dilakukan penyedek tempatan mengenai Tahap Penerapan Dan Pemahaman Guru Matematik Terhadap Kemahiran

Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam PdP Matematik Di Sekolah Rendah yang mendapati guru sekolah rendah di daerah Bintulu Sarawak sentiasa menerapkan KBAT dalam pengajaran dan memahami dengan jelas mengenai KBAT [18]. Dapatan kajian ini menunjukkan data yang diperolehi berada pada tahap yang tinggi terhadap kedua-dua aspek yang diuji.

Selain itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati guru Sejarah sekolah menengah mengetahui penggunaan soalan dan penyoalan yang bersesuaian dalam pelaksanaan KBAT. Teknik penyoalan sangat penting bagi memandu murid berfikir secara KBAT. Kemahiran penyoalan guru dalam pengajaran perlu menggunakan soalan-soalan yang membimbing para pelajar. Guru juga perlu mengembangkan potensi berfikir murid, memberikan idea yang jelas, serta dapat menggerakkan daya imaginasi murid [19]. Dapatan ini berbeza dengan kajian pengkaji lepas yang menyatakan kecenderungan guru hanya menggunakan teknik penyoalan pada aras rendah bagi penerapan KBAT dalam pengajaran [20]. Pengetahuan guru merupakan aspek penting dalam menyiapkan guru untuk mendidik murid menyelesaikan permasalahan. Guru yang berkualiti mampu untuk mengaitkan pengetahuan dan kaedah pengajaran mereka [21]. Kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap diperlukan untuk menjalankan amalan pengajaran yang berkesan. Selain itu, dengan pengetahuan yang ada, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dirancang dengan baik dan teliti supaya guru dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan [22].

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Zaidir et al. (2017) yang menunjukkan bahawa tahap pemahaman guru Sains terhadap KBAT adalah pada tahap yang sederhana dengan skor min ialah min = 3.39 dan sisihan piawai ialah 0.32 [23]. Oleh itu, pelaksanaannya juga berada pada tahap yang sederhana. Pengetahuan merupakan kapasiti untuk memperoleh, mengekal dan mengaplikasikan maklumat pelbagai gabungan kefahaman, pengalaman, kearifan dan kemahiran [24]. Malahan itu, tahap pengetahuan dan kemahiran guru Matematik berkaitan KBAT adalah pada tahap sederhana tinggi [25]. Hal ini kerana kebanyakan guru hanya mengetahui KBAT secara definisi dan permulaan sahaja. Oleh itu, pengetahuan guru mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran

sejarah seharusnya terus ditambahbaik agar guru dapat melaksanakan PdPc sejarah dengan lebih berkesan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran guru sejarah sekolah menengah

mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di daerah Segamat, Johor berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Fathizaki dan Anuar (2021) yang mendapati tahap kompetensi guru bagi aspek kemahiran terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran pendidikan sejarah berada pada tahap yang tinggi (min 3.77, s.p 0.40) [26]. Hal ini menunjukkan, guru Sejarah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor dapat mengaplikasikan kemahiran KBAT dengan berkesan sepanjang sesi pengajaran. Dapatan ini selaras dengan kajian lepas menunjukkan tahap kemahiran guru merupakan domain yang mempengaruhi keberkesanan serta pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas [27]. Oleh itu, guru perlulah sentiasa menggunakan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan supaya pelaksanaan KBAT di sekolah dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan, berfikiran kritis dan kreatif.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilaksanakan oleh kajian Sharifah Nor et al. (2016) menunjukkan responden kajiannya berpengetahuan yang umum sahaja tentang KBKK [28]. Menurutny lagi, guru tidak mengetahui secara mendalam berkaitan dengan KBKK, tidak menggunakan kemahiran secara terancang dan tidak mengikut ketetapan KBKK yang telah ditetapkan di dalam dokumen KBKK oleh Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun mereka mempunyai kesedaran tinggi terhadap tahap penggunaan KBKK. Oleh itu, guru seharusnya berkemahiran dalam menjalankan strategi dan teknik pengajaran agar pelaksanaan PdPc KBAT lebih berkesan.

Selain daripada aspek pengetahuan dan kemahiran, aspek

sikap juga merupakan salah satu komponen yang diuji dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati, kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Hasnah dan Jamaludin (2017) yang menyatakan sikap guru terhadap KBAT terletak pada tahap yang tinggi [29]. Sikap ditakrifkan sebagai perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat. Sikap yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sikap guru dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Sikap guru ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sangat penting. Guru yang sentiasa positif dan bersemangat untuk mengajar sudah tentu akan memberikan kesan positif terhadap pelajarannya. Hal ini disokong dengan kenyataan kajian lepas yang menyatakan bahawa guru mata pelajaran harus sentiasa mempunyai sikap

positif dalam mengoptimalkan prestasi, pengetahuan dan kefahaman pelajar dalam PdP [30].

X. KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa tahap kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di daerah Segamat, Johor berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna guru sejarah sememangnya sudah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik terhadap pelaksanaan KBAT di sekolah. Oleh itu, amalan baik ini seharusnya terus dikekalkan dan dimantapkan lagi dengan pelaksanaan kursus-kursus berkaitan KBAT. Selain itu, guru sejarah juga perlu diberikan sokongan dan pendedahan yang berterusan dalam melaksanakan intervensi serta inovasi yang bersesuaian merangkumi bahan rujukan, pendekatan, pemilihan strategi pengajaran dalam melaksanakan KBAT. Guru mata pelajaran sejarah juga perlu diberikan bahan sokongan seperti modul KBAT sebagai panduan dan rujukan dalam pengajaran. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) perlu membuat penambahbaikan terhadap modul dan buku panduan KBAT agar guru-guru dapat mengaplikasikannya kepada pelajar di sekolah.

Sebagai cadangan kajian susulan, kajian ini boleh diperluaskan lagi dengan melihat kesediaan murid untuk menerima penerapan PdPc KBAT. Malahan itu juga kajian hanya melihat kesediaan guru sahaja. Cadangan kajian pada masa akan datang ialah melihat pencapaian dan pengetahuan murid terhadap pembelajaran KBAT yang telah dijalankan oleh guru yang benar bersedia melaksanakan PdPc KBAT. Kajian tinjauan yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif iaitu dengan menggunakan analisis deskriptif dan infrensi. Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam berkaitan kesediaan guru, pengkaji akan datang boleh menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian untuk melihat tingkah laku responden bagi memperkayakan data kajian tinjauan yang dijalankan. Malahan itu, sampel kajian yang digunakan adalah terhad di daerah Segamat sahaja. Maka pada masa akan datang boleh menggunakan kaedah tinjauan dengan memilih beberapa buah daerah bagi mendapatkan bilangan responden yang lebih ramai. Jadi dengan adanya bilangan responden

yang lebih ramai, maka pengkaji dapat melihat kesediaan guru Sejarah dalam mengaplikasikan KBAT dengan lebih ramai. Di samping itu juga, kajian ini melihat perbandingan kesediaan guru sekolah menengah berdasarkan jantina sahaja. Jadi pengkaji pada masa akan datang boleh membuat

perbandingan berdasarkan pengalaman mengajar, perbandingan guru sekolah menengah dan sekolah rendah, dan juga dari aspek umur.

Kesimpulannya, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkeperluan bagi memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa. Guru perlu memberikan komitmen yang tinggi supaya matlamat negara dalam mewujudkan generasi yang memiliki aras pemikiran tinggi serta mampu bersaing di peringkat global dapat dicapai. Oleh itu, para guru harus mempunyai kesediaan dalam pelbagai aspek pengetahuan meliputi pengetahuan asas dalam KBAT, pengetahuan pedagogi merangkumi ilmu KBAT, pengetahuan dalam kemahiran membina item KBAT, pengetahuan dari segi pentaksiran supaya PdP yang berkesan mampu dilaksanakan. Apabila para guru mempunyai tahap kefahaman, pengetahuan dan pelaksanaan yang tinggi, matlamat negara untuk membangunkan modal insan yang memiliki kemahiran berfikir aras tinggi sudah pasti boleh diwujudkan.

RUJUKAN

1. Kusuma, M. D., Rosidin, U., Abdurrahman, A., & Suyatna, A. (2017). The Development of Higher Order Thinking Skill (Hots) Instrument Assessment In Physics Study. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSRJRME)*, 07(01), 26– 32. <https://doi.org/10.9790/7388-0701052632>.
2. Puchta, H. (2012). Developing thinking skills in the young learners' classroom. Retrieved

from http://www.herbertpuchta.com/wpcontent/files_mf/1337014114YL_Thinking_booklet.pdf.

3. Surif, J., Ibrahim, N.H., Abdullah, A.H., & Boon, Y. (2016). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Johor Bahru: Penerbit Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
4. Susanne, O. (2014). Teacher Professional Learning Communities: Going Beyond Contrived Collegiality Toward Challenging Debate And Collegial Learning And Professional Growth. *Australian Journal Of Adult Learning*, Vol. 54, No.2. University Of South Australia.
5. Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam

- pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. MJSSH Online: Volume 5- Issue 1 (January, 2021).
6. Nurliyana Abd Halim. (2015). Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Tesis. UKM.
 7. Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011). Kepelbagaian kaedah penyzoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
 8. Siti Mariam Zazam & Kamisah Osman. 2018. Pengetahuan dan kemahiran guru sains sekolah rendah terhadap pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi (Kbat) dalam Pembelajaran.
 9. Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru bahasa melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM*, 6(2), 78- 90.
 10. Muhammad, Nur Aida and Azirun, Rabaishah and Hashim, Norliza Nor and Idris, Normah (2016) Strategi penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. In: Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam (ISPEN-i 2016), 21-22 Mei 2016, Auditorium Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
 11. Vespanathan. (2015). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan guru-uuru mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah luar bandar negeri Johor. Laporan Projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
 12. Ahmad, N.L & Majid, N. A., (2018). Program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan*. Vol 43 (2). 17-27.
 13. Padmanaban Madawan, Ruhizan Muhammad Yasin, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar kolej matrikulasi terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran, 541–547. Dimuat turun daripada <https://sted18.files.wordpress.com/2016/1/2/3-15-padmanaban-madawanruhizan-muhammad-yasin-mohd-isa-hamzah.pdf> Rozana Jaafar & Zamri Mahamod. (2020). Strategi Pembelajaran

- Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Pelajar.
14. Mohd Noor Badlilshah Bin Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim & Nurulhuda Abd Rahman. 2016. Sikap pelajar terhadap pembelajaran fizik dan hubungannya dengan pencapaian dalam kalangan pelajar sains. *Jurnal Personalia Pelajar* 19:31- 51.
15. Aziz Nordin & LinHui Ling. (2011). Hubungan sikap terhadap mata pelajaran sains dengan penguasaan konsep asas sains pelajar tingkatan dua. *Journal of Science & Mathematics Educational*, Volume 2 June 2011, Pages 89-101/ ISSN: 2231-7368.
16. Susanne, O. (2014). Teacher Professional Learning Communities: Going Beyond Contrived Collegiality Challenging Debate And Collegial Learning And Professional Growth. *Australian Journal Of Adult Learning*, Vol. 54, No.2. University Of South Australia.
17. Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad, Norasmah Othman .2021. Kompetensi guru dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran pendidikan sejarah. , Volume 6, Issue 1, (page 194 - 205).
18. Maxwell Alingl & Siti Mistima Maat. 2021. Tahap Penerapan Dan Kefahaman Guru Matematik Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam PdP Matematik Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 331- 341.
19. M. Mojibur Rahman. (2010). Teaching oral communication skills: A task based approach. *ESP World Issue*, 1 (27): 1-11. <http://www.esp.world.info> (29 April 2010).
20. Zarina Abdul Rashid. (2016). Tahap Kesediaan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
21. Asma binti Hilmi, Zarima binti Mohd Zakaria & Ai Fatimah Nur Fuad. 2020. Tahap pengetahuan guru Bahasa Arab dalam melaksanakan kelas berbalik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities Online* 4(3):50-67.
22. Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Guru dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Bilik Darjah.

Toward

23. Mohammad Zaidir Zainal Abidin & Kamisah Osman. (2017). Tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran dan pelaksanaan guru Sains terhadap KBAT [The level of knowledge, understanding, skills and implementation of Higher Order Thinking Skills by the
24. Jamilah Ahmad, Juliana Hasrina, dan Hamidah. (2011). Pengetahuan, sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia terhadap Isu Alam Sekitar . *Akademika* 81 (3) , 103-.
25. Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
26. Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad, Norasmah Othman .2021. Kompetensi guru dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran pendidikan sejarah. , *Volume 6, Issue 1, (page 194 - 205)*.
27. Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
28. Sharifah Nor, Manisah, Norshidah & Aliza. (2016). Penggunaan dan pengurusan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum permainan pendidikan awal kanak-kanak. Laporan teknikal projek penyelidikan UKM-GG-05-FRGS0003-2007. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
29. Hasnah Isnong & Jamaludin Badusah. 2017. Kompetensi guru bahasa melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1):56-65.
30. Mohd Qhairil Anwar Azhar, and Zamri Mahamod, (2018) Tahap perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan menggunakan enam topi pemikiran berdasarkan jantina dan pengkhususan dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 8 (2). pp. 13-24. ISSN 2180-4842

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Siti Norzaidah Binti Kamaruddin</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail: adam.hawa93@gmail.com</p>
<p>Second Author: Anuar Ahmad</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail: anuarmd@ukm.edu.my</p>